

Kepupusan penyu belimbing beri kesan

Tiada lagi pemangsa utama ubur-ubur api warna biru, mengganggu ekosistem laut

Oleh RAHAYU MUSTAFA
KUALA NERUS


Kepupusan penyu belimbing merupakan antara penyumbang utama lambakan pendaratan ubur-ubur terutama daripada spesies ubur-ubur api warna biru atau *Portuguese man o'war* di perairan negara akhir-akhir ini.

Kurator Kanan

Pusat Rujukan dan Repositori Laut China Selatan, Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Azwarina Mohd Azmi Ramasamy berkata, ia kerana penyu jenis itu merupakan pemangsa utama ubur-ubur.

Menurutnya, situasi tersebut menyebabkan berlakunya gangguan terhadap rantaian makanan dan ekosistem laut sekali gus turut memberi ancaman keselamatan kepada masyarakat setempat.

“Perubahan iklims dan pemanasan global terutama pemanasan air di laut menyebabkan ubur-ubur ini semakin membiak dengan aktif. Selepas membiak, ia akan hanyut dibawa



Kepupusan penyu belimbing merupakan antara penyumbang lambakan pendaratan ubur-ubur terutama spesies ubur-ubur api warna biru.



AZWARINA

arus dari Laut China Selatan dan terdampar di pantai.

“Oleh kerana pemangsa utama iaitu penyu belimbing sudah pupus, situasi ini memberi satu rantaian tidak stabil kepada ekosistem kita iaitu jumlah ubur-ubur ini tidak berkurangan, sebaliknya semakin banyak kerana tidak

dimakan penyu.

“Tambahan pula ubur-ubur api warna biru adalah salah satu spesies yang membahayakan, jadi ia boleh menjadi faktor kepada gangguan dan ancaman keselamatan kepada komuniti pantai,” katanya pada Sabtu.

Tambah Azwarina, kemuncak waktu pendaratan ubur-ubur api adalah sekitar Januari hingga Februari dan pihaknya men-

dapati berlaku peningkatan begitu ketara jumlah ubur-ubur di perairan negara sejak kebelakangan ini.

Jelasnya, dianggarkan 150 hingga 400 ekor ubur-ubur api berjaya dikutip di sekitar perairan Terengganu pada setiap hari ketika tiba musim kemuncaknya dan data itu direkodkan hasil kajian pihaknya serta penyelidik UMT.

“Penyu merupakan haiwan marin penting dalam kestabilan ekosistem laut. Pelbagai pihak perlu sama-sama berganding bahu memainkan peranan masing-masing bagi memulihara penyu daripada pupus.

“Saya sedih dengan laporan mengatakan 41 kes kematian penyu direkodkan dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, jadi tindakan tegas perlu diambil berhubung isu ini supaya penyu kekal terpelihara,” ujarnya.